

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

ANALISA MAKLUMAT DAN KESAN KHUTBAH
JUMAAT SEBAGAI SATU PROSES KOMUNIKASI:
SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG CHERANG RUKU,
PASIR PUTIH, KELANTAN.

Latihan Ilmiah

Untuk Memenuhi Syarat Penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Sastra

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Bahagian Komunikasi Massa

Universiti Sains Malaysia

Fulau Pinang.

oleh

Ab. Kahar Harun.

Bahagian Komunikasi Massa
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

1981/1982.

RINGKASAN.

Kajian yang melibatkan komunikasi interpersonal dalam masyarakat Cherang Ruku ini sebenarnya satu kajian di peringkat awal. Ini kerana, hingga setakat ini masih ^{belum} ada lagi satu kajian yang terdaya dicari dibuat mengenai Khutbah Jumaat sebagai satu proses komunikasi yang kalau ada pun kajian mengenai Khutbah Jumaat dibuat hanya sekadar mahu mengetahui apakah aspek-aspek yang sering dibincangkan dalam siri ini. Pun, begitu, dalam catitan-catitan bahan kajian yang pernah dibuat, kebanyakan dari pengkaji lebih berminat untuk mengkaji aspek-aspek komunikasi massa seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah.

Untuk memenuhi kehendak latihan ilmiah dalam bidang komunikasi saya telah membuat kajian mengenai Khutbah Jumaat yang berlandaskan dari dua sudut pandangan, iaitu tema dan kesannya dalam masyarakat. Masyarakat yang dipilih adalah satu masyarakat separuh bandar dan desa yang dikirakan boleh menampakkan ciri-ciri kemasyarakatan yang lebih menarik, terutama dari segi sudut pandangan dan psikologi mereka.

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa bab yang dengan tersendiri menggambarkan aspek-aspek yang tertentu. Namun demikian, bab-bab yang ada dalam kajian ini kadangkala bertindan-tindih antara lain kerana bahan perbincangan yang ditampilkan adalah sama dan mempunyai kaitan yang rapat antara satu dengan lain.

Bab pertama menceritakan tentang aspek-aspek kajian, yakni meliputi tujuan penyelidikan, masalah dan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan, latar belakang masyarakat yang dikaji. Bab ini sebenarnya lebih berbentuk latar belakang kepada kajian yang diadakan.

Bab kedua pula membicarakan teori komunikasi dan pendekatan yang digunakan untuk meninjau masalah yang dikaji. Ini amat penting dalam penyelidikan ilmiah kerana tanpa asas yang baik dari segi teori kajian yang dibuat dirasakan tidak menarik.

Bab ketiga dan keempat lebih berupa penemuan yang dianalisiskan menurut konteks masing-masing. Dengan ini tidaklah menghairankan yang setiap bab atau bahagian yang dikaji dibuat dalam tajuk yang tersendiri. Namun demikian, penganalisaan dan penemuan hasil penyelidikan yang dibuat sengaja tidak dipisahkan dan sebaliknya dibincangkan bersama. Ini kerana dirasakan penjelasan dalam bentuk ini lebih dapat menarik serta berkesan lagi untuk menggambarkan aspek serta bahan yang dikaji. Jika dibuat secara terpisah, rasanya agak kurang baik kerana kajian yang dibuat tidak banyak berbentuk kuantitatif, ia lebih banyak menghendaki penilaian secara kualitatif.

Dalam bab terakhir, beberapa kelemahan yang dapat ditanggap dalam kajian ini dibincangkan secara sepintas lalu di samping cadangan-cadangan untuk melanjutkan penyelidikan seperti ini bagi sesiapa yang berminat dalam kajian yang serupa. Keterbatasan yang wujud dalam kajian ini juga cuba dipamerkan secara agak longgar jika dibandingkan penyelidikan-penyelidikan lain.

III

Keterbatasan atau kenyataan yang wujud dalam kajian ini hanya boleh dipertanggungjawabkan di dalam masyarakat yang dikaji. Konteks masa juga menentukan yang ianya sesuai atau tidak perbincangan yang dibuat. Lantaran itu, kajian ini tidaklah boleh menggambarkan keadaan yang wujud dalam masyarakat yang berbeza dari segi sosiologi, yakni stratifikasi sosial yang berlainan.

Walaupun bagaimanapun, kajian yang boleh dianggap masih di peringkat awal ini boleh mendorong sesiapa yang berminat untuk terus meneroka bidang yang sama, yang boleh memberi dua faedah, yakni memenuhi tanggungjawab akademik dan boleh mengetahui sejauh manakah Khutbah Jumaat itu berjaya atau memperolehi kesan walhal umumnya menanggap ianya agak berkesan kerana dipercayai masyarakat wajib mendengarnya.